

Syor MPN beri syarahan keharmonian kaum di UA



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, **Prof Madya Datuk Dr Junaidi Abu Bakar (tengah)** menyampaikan **cenderamata kepada Kurup di Tanjung Malim, semalam.**

[FOTO IHSAN NOORZALI]

Tanjung Malim: Majlis Profesor Negara (MPN) disarankan berkongsi ilmu dengan universiti awam (UA) menyampaikan syarahan berkaitan kenegaraan dan keharmonian kaum kepada penuntut bagi memperkasa perpaduan kaum dan pengukuhan budaya di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup, berkata Malaysia sering dikaitkan sebagai negara contoh yang berjaya menguruskan kehidupan pelbagai masyarakat dengan penuh harmoni.

“Negara kita memiliki pelbagai etnik, bahasa, budaya, agama dan pandangan hidup yang perlu dipupuk demi pembangunan negara, ketamadunan serta pembinaan negara bangsa.

Pupuk kesedaran

“Isu agama, politik, penyampaian perkhidmatan serta projek pembangunan negara, mencetuskan rasa ketidakpuasan hati rakyat yang menguji ketuhan hubungan etnik sejak merdeka.

“Justeru, kesedaran terhadap kepentingan kehar-

monian demi kelestarian keamanan negara penting dipupuk dalam kalangan penuntut universiti dan sejak di bangku sekolah,” katanya ketika merasmikan Persidangan Peman-tapan Citra Kenegaraan Keempat (COSNA4) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, semalam.

Program itu dianjurkan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia UPSI dengan kerjasama MPN dan Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).